



KENYATAAN AKHBAR

BIL : **Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 1 (37)**

Tarikh: 10 Ogos 2023

MBPJ BUKA KAUNTER BERGERAK EZPAY DI LIMA LOKASI

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA (MBPJ) akan membuka kaunter bergerak EZPay sepanjang bulan Ogos 2023 sempena musim bayaran cukai taksiran penggal ke-2 tahun 2023 yang akan **berakhir pada 31 Ogos 2023**. Inisiatif ini merupakan usaha pihak Majlis untuk mengurangkan kesesakan di kaunter ibu pejabat terutamanya pada waktu puncak.

Selain itu, inisiatif ini juga merupakan antara kemudahan pembayaran di lokasi-lokasi luar pejabat MBPJ yang disediakan untuk orang awam berurusan tanpa perlu hadir ke ibu pejabat MBPJ. Antara kawasan-kawasan yang terlibat sepanjang bulan Ogos ini adalah seperti berikut:

BIL	TEMPAT	HARI	TARIKH	MASA
1	JALAN DAGANG SD 2/1G, (Berhadapan kedai tayar STH Auto Services Centre)	Selasa / Rabu	15 - 16 OGOS 2023	10.00 pg - 2.00 ptg
2	JALAN PJU 10/3A, (Berhadapan McDonald's Damansara Damai)	Sabtu / Ahad	19 - 20 OGOS 2023	
3	JALAN 14/17 (Berhadapan Digital Mall)	Selasa / Rabu	22 - 23 OGOS 2023	
4	JALAN SS 6/3 (Simpang berhadapan KFC)	Sabtu / Ahad	26 - 27 OGOS 2023	

5	JALAN CEMPAKA SD 12/1 (Berhadapan McDonald's Sri Damansara)	Rabu / Khamis	30 - 31 OGOS 2023	
---	--	---------------	-------------------	--

Semua pemilik harta di Petaling Jaya boleh menyemak dan mendapatkan salinan bil melalui <https://ecukai.mbpj.gov.my/mbpjesalananbil> dan membuat bayaran melalui kaunter yang disediakan ATAU melalui atas talian menggunakan laman **ePay@MBPJ** atau aplikasi **eCukai@MBPJ**.

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut layari laman sesawang www.mbpj.gov.my atau kunjungi laman sosial Majlis (Facebook: @petalingjayacitycouncil, Twitter& Instagram: @pjcitycouncil atau hubungi Jabatan Perbendaharaan MBPJ, Aras bawah, Ibu Pejabat MBPJ, Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor di talian 03 7956 3544 samb. 102/103/108/109.

Sehubungan dengan itu, mohon jasa baik pihak media untuk membuat hebahan kepada orang ramai tentang inisiatif Majlis ini khususnya penduduk di Petaling Jaya.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/414 Faks : 03-79582695.



BIL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 1 (38)

Tarikh: 15 Ogos 2023

NOTIS PEMAKLUMAN UNTUK MENJELASKAN CUKAI SEBELUM 31 OGOS 2023

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) ingin mengingatkan kepada semua pemilik harta di Petaling Jaya untuk **membuat pembayaran cukai taksiran pada atau sebelum 31 Ogos 2023 (Khamis)** bagi mengelakkan sebarang bayaran tambahan atau denda dikenakan.

Untuk makluman, MBPJ telah memproses dan mengemaskini **bil Cukai Taksiran bagi setengah tahun kedua (Julai – Dis 2023)** untuk 277,375 pemegang harta yang melibatkan jumlah cukai semasa dan tunggakan berjumlah RM176.966 juta.

Setiap pemunya harta boleh menyemak dan mendapatkan salinan bil melalui <https://ecukai.mbpj.gov.my/mbpjesalinanbil> dan membuat bayaran melalui atas talian menggunakan laman ePay@MBPJ atau aplikasi eCukai@MBPJ.

Pihak Majlis juga menggalakkan pemilik harta membuat pembayar secara atas talian dan sebarang pertanyaan boleh disalurkan kepada aduan@mbpj.gov.my.

Bagi memudahkan pemunya harta menjelaskan bayaran, MBPJ telah menyediakan beberapa kaedah pembayaran yang boleh dilakukan secara tunai, cek, wang pos, kiriman wang pos dan kad debit / kad kredit.

Bil	Lokasi	Kaunter / Cara bayaran	Waktu Kaunter dibuka/ jenis bayaran
1	Laman Web Majlis	epay@mbpj.gov.my	Waktu : 24 jam sehari Jenis bayaran diterima Kad kredit / Kad debit / FPX

2	Aplikasi – Android / IOS	eCukai@MBPJ	Waktu : 24 jam sehari Jenis bayaran diterima Kad kredit / Kad debit / FPX
3	Bank	Kaunter Bayaran: Bank Rakyat	Waktu Mengikut hari dan masa kaunter bank dibuka Jenis bayaran diterima - Tunai sahaja
4	Arahan Tetap (Auto Debit)	i) AMEX (Maybank)	
5	Perbankan Internet	i) Maybank2u ii) Ambank Click & Pay (Kad kredit) iii) Ambank online iv) RHB Online v) HSBC Online vi) HLBB Online vii) Pos Malaysia Online viii) Bank Islam online ix) JomPay - (Biller Code: 76737)	24 jam sehari

Maklumat lanjut layari laman sesawang www.mbpj.gov.my atau kunjungi laman sosial Majlis (Facebook: @petalingjayacitycouncil, Twitter& Instagram: @pjcitycouncil atau hubungi Jabatan Perbendaharaan MBPJ, Aras bawah, Ibu Pejabat MBPJ, Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor di talian 03 7956 3544 samb. 102/103/108/109

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil, emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/414 Faks : 03-79582695.



BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 1 (39)

Tarikh: 18 Ogos 2023

SEMARAK PATRIOTISME, MBPJ KIBAR JALUR GEMILANG GERGASI

1. Sempena Sambutan Bulan Kebangsaan tahun 2023 yang bertemakan **“Malaysia Madani: Tekad Perpaduan, Penuhi Harapan”** Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) bergerak seiring dengan dasar Kerajaan yang telah meletakkan gagasan Malaysia Madani sebagai tunjang utama dalam pentadbiran negara. Di samping itu, MBPJ juga sentiasa memastikan pelaksanaan program-program jabatan dilaksanakan berpandukan agenda Transformasi Pelan Strategik Petaling Jaya Smart, Sustainable & Resilient (PJSSR) 2030.
2. Dalam rangka memenuhi aspirasi Bulan Kebangsaan tahun 2023 ini, MBPJ telah merancang beberapa program yang signifikan ke arah meningkatkan semangat kecintaan kepada negara dalam kalangan masyarakat khususnya warga MBPJ seterusnya dapat menghindarkan diri daripada anasir-anasir yang membawa kepada perpecahan dan permusuhan antara satu sama lain.
3. Program-program yang sedang dirancang adalah seperti berikut :-
 - i. **Pertandingan Keceriaan Komuniti Merdeka 2023 Peringkat Petaling Jaya;**
 - ii. **Pertandingan Kibar Jalur Gemilang.**

Bil	Kategori Bangunan / Premis
1.	Pasar dan gerai
2.	Dewan
3.	Projek bangunan atau Tapak Binaan
4.	Institusi pendidikan tinggi dan sekolah

5.	Pusat membeli-belah
6.	Institusi Perbankan
7.	Bangunan Strata di bawah pengurusan JMB/MC
8.	Hospital dan Klinik
9.	Rumah Ibadat
10.	Hotel

4. Dalam pada itu, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) juga telah menggantung Jalur Gemilang Gergasi di dua sudut menara sebagai tanda patriotisme dan menyemarakkan lagi sambutan Hari Kemerdekaan.bersempena sambutan Hari Kemerdekaan Ke-66 tahun ini.
5. Pemasangan bendera yang saiznya berukuran 160 kaki X 40 kaki itu bertujuan menyuntik dan menyemarakkan lagi semangat penduduk Petaling Jaya untuk bersama-sama menghayati hari penuh sejarah tersebut. Antara lain objektif program ini adalah untuk memberi kesedaran dan pendidikan pada golongan muda mencintai Negara serta menghormati bendera Malaysia.
6. Justeru, MBPJ berharap semoga dengan penganjuran program sempena Bulan Kemerdekaan tahun 2023 ini akan mampu meningkatkan semangat patriotik masyarakat berbilang kaum dan agama agar dapat terus berbakti kepada Malaysia bumi tercinta ini.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/414 Faks : 03-79582695.



مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 1 (40)

Tarikh: 25 Ogos 2023

MBPJ TUAN RUMAH 1ST ASIA PACIFIC YOUTH FOLKLORE FESTIVAL 2023

Majlis Bandaraya Petaling Jaya dengan kerjasama International Council Of Organizations Of Folklore Festival And Folk Arts (Cioff) Malaysia (Official Partner Of Unesco) telah diberikan kepercayaan mewakili Malaysia untuk menjadi tuan rumah bagi penganjuran “1st Asia Pacific Youth Folklore Festival 2023” yang akan diadakan pada 21 hingga 26 September 2023 (Khamis hingga Selasa) di Pusat Bandar Seksyen 52, Petaling Jaya.

Selaras dengan aspirasi Pelan Strategik Petaling Jaya Pintar, Mampan Dan Berdayatahan 2030 (PJSSR 2030), Dasar Pelancongan Negara 2020- 2030 (DPN) dan Dasar Kebudayaan Negara 2021(DAKEN) dalam usaha memacu industri pelancongan negara yang berteraskan Kelestarian Pembangunan Budaya, Seni dan Warisan, Penganjuran Festival Kesenian Rakyat oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya Pada Tahun Ini Lebih Berprestij dan berimpak tinggi.

Kerajaan Negeri Selangor Pada Tahun 2015 Telah Mengisytiharkan Bandar Raya Petaling Jaya Sebagai Sebuah Kota Seni Selaras Dengan Komitmen Berterusan Dan Pencapaian Majlis Bandaraya Petaling Jaya Dalam Usaha Mempromosikan Bandaraya Petaling Jaya Khususnya, Dan Negeri Selangor Serta Malaysia Amnya Sebagai Sebuah Destinasi Pelancongan Antarabangsa Yang Berteraskan Kepada Keharmonian Dan Kelestarian Seni Dan Budaya Sejagat Khusus Melalui Penganjuran “PJ International Folklore Festival” Sejak Tahun 2013 Lagi.

Festival Kesenian Rakyat Ini Telah Diklasifikasikan Sebagai “Government To Government Cultural Project” Dan Pada Tahun 2018 Telah Diiktiraf Sebagai “International Cultural Exchange Program Oleh Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya Malaysia (MOTAC)”.

Bertemakan “Menghayati Budaya & Warisan” (Embracing Culture & Heritage), Matlamat Utama Penganjuran Festival Kali Ini ialah Memupuk Dan Menzahirkan Rasa Cinta Dan Saling Memahami Bermula Dari Usia Muda Lagi Terhadap Kepentingan Melestarikan Kepelbagaian Dan Keunikan



Budaya, Seni Dan Warisan Dalam Memupuk Keharmonian Dan Perpaduan Masyarakat Global.

Majlis Mensasarkan Penyertaan Dari 26 Kumpulan Kebudayaan Dari Negara-Negara Di Rantau Asia Pasifik Di Bawah Pengurusan International Council Of Organizations Of Folklore Festivals And Folk Arts (CIOOF) Malaysia.

Sehinga Kini, Sebanyak 19 Kumpulan Kebudayaan Antarabangsa Dari 13 Buah Negara Telah Mengesahkan Penyertaan Mereka Antaranya China, India, Indonesia, Jepun, Korea Selatan, Thailand, Iran, Filipina, Uzbekistan, Sri Lanka, Singapura, Brunei Dan Qatar.

Terdapat 8 Jenis Program / Aktiviti Utama Telah Diatur Sepanjang Penganjuran Festival Ini Iaitu,

I. Persembahan Kebudayaan Antarabangsa

li. "Pocket Show" Di Sekolah-Sekolah Terpilih Di Sekitar Petaling Jaya.

lii. Pameran, Jualan Dan Demonstrasi Pembuatan Produk Seni, Kraftangan Dan Makanan Tradisional

Iv. "Pj International Art Conference 2023"

V. Seminar Kerjaya Seni

Vi. Mayor And City Managers : Round Table Discussion

Vii. Pertandingan "Pj Best Tari"

Viii. Majlis Perasmian, Konsert Ceritera Rakyat Oleh Artis Terkemuka Tanah Air Dan Pertunjukan Bunga Api.

Acara ini sudah tentunya ditunggu-tunggu kerana MBPJ sering menampilkan artis-artis terkenal bagi menghiburkan warga penduduknya.

Antara yang pernah beraksi ialah Datuk Ramli Sarip, Datuk M. Nasir, Zamani Slam, XPDC dan tahun lalu kumpulan rock terkenal Wings.

Untuk kali ini, barisan artis yang ditampilkan sememangnya tidak asing lagi dikalangan peminat industri hiburan tanah air iaitu Datuk Ahmad Azhar Othman (Datuk Awie), Siti Roziana Zain (Ziana Zain), Nor Zila binti Aminuddin (Ella) dan Datuk Mohd Shukri Shahabudin (Dato Hattan).

Kesemua mereka mempunyai nama dan profil yang sangat besar bermula dari era 1990-an dan kekal bertahan sehingga kini.

Konsert yang dianjurkan secara percuma ini akan berlangsung pada Ahad, 24 September 2023, jam 8.30 malam di Laman MBPJ, Jalan Yong Shook Lin, Petaling Jaya.

MBPJ berharap agar semua peminat muzik samada di Petaling Jaya atau kawasan berdekatan agar tidak melepaskan peluang menyaksikan konsert hebat ini.

Orang ramai amat digalakkan untuk terus berinteraksi, bersama MBPJ di media sosial rasmi MBPJ iaitu di Facebook; Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Instagram dan twitter; pjcitycouncil serta laman sesawang MBPJ www.mbpj.gov.my.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil, emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/414 Faks : 03-79582695.



مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 1 (41)

Tarikh: 29 Ogos 2023

EKSPLO BUKU PETALING JAYA (PJBX) INISIATIF MARTABATKAN PEMBUDAYAAN ILMU DI KALANGAN MASYARAKAT PETALING JAYA

Majlis Bandaraya Petaling Jaya dengan kerjasama Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) komited menganjurkan Ekspo Buku Petaling Jaya atau dikenali sebagai PJBX bagi tahun 2023. Program ini merupakan 'Signature Events' Learning City setelah dinobatkan sebagai Bandar Pembelajaran oleh UNESCO pada 2019. Cetusan idea penganjuran ekspo ini ialah untuk menarik minat dan menyemai budaya membaca pelbagai lapisan masyarakat di Petaling Jaya.

Datuk Bandar Petaling Jaya, Tuan Mohamad Azhan bin Md Amir berkata, PJBX akan diadakan pada 9 September hingga 17 September 2023 bermula pukul 9.00 pagi hingga 6.00 petang di Dewan Sivik MBPJ. Di samping itu PJBX kali ini mendapat sokongan dan kerjasama dari Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Utama (PPDPU) yang akan turut mengisi slot aktiviti sepanjang program ini berlangsung antaranya Pertandingan Amalan Terbaik STEM, Pertandingan Nyanyian Berirama, Pertandingan Nyanyian Solo -pra sekolah dan lain-lain. Manakala bagi kanak-kanak yang kurang upaya juga disediakan slot untuk disertai oleh golongan ini antaranya Pertandingan Mewarna dan Inclusive Talk.

Rakan-rakan strategik Learning City yang terdiri dari Institusi Pengajian Awam dan swasta juga turut menjayakan slot aktiviti antaranya *Road Safety Awareness* oleh MITRANS Uitm, *Becoming An Engineer: Pathways & Tips* oleh First City University, Pemeriksaan Gigi secara percuma oleh Lincoln University, *The Importance of Early Childhood Education* oleh Saito University College dan lain-lain.



Menurut beliau lagi, selain itu juga bagi pelajar-pelajar yang bakal menduduki SPM turut berpeluang untuk mengikuti Seminar Perdana SPM yang akan mengupas soalan-soalan tahun lalu dan juga perkongsian tips menjawab soalan khususnya bagi mata pelajaran teras.

Pada kali ini sebanyak 30 penerbit buku yang akan turut serta dan menawarkan harga yang menarik antaranya Karang kraf, PTS, Pelangi, IBDE Ilham dan banyak lagi. Menariknya kali ini dibawakan khas maskot Didi & Friends yang turut menceriakan pengunjung ke PJBX pada 9 dan 10 September 2023.

Selaras dengan visi menjadikan Petaling Jaya Ke Arah Bandaraya Pintar, Mampan, Berdaya Tahan dan Dinamik, MBPJ sentiasa menyokong usaha menarik minat membaca di kalangan warga Petaling Jaya. Justeru, saya berharap dengan penganjuran Ekspo Buku Petaling Jaya ini pelbagai buku rujukan, ilmiah, novel, latih tubi dan lain-lain untuk anak-anak yang bakal menduduki peperiksaan dapat diperolehi di sini.

Saya sekali lagi menyeru semua warga Petaling Jaya khasnya dan rakyat Malaysia untuk sama -sama hadir ke Ekspo Buku Petaling Jaya (PJBX) di Dewan Sivik MBPJ, Petaling Jaya.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/414 Faks : 03-79582695.